

Publication : Berita Harian

Date : 2 March 2007

Pindah Papan Utama

EONMETALL Group Bhd memperoleh kelulusan bagi memindahkan penyenaraiananya dari Papan Kedua Bursa Malaysia ke Papan Utama, hari ini.

Peneraju fabrikasi mesin dan Jentera produk logam (MME) itu terbabit dalam pengeluaran produk keluli mendatar sekunder dan sistem penstoran keluli serta menyediakan penyelesaian teknologi maklumat sektor pembuatan.

Syarikat itu turut mempunyai kemahiran teknikal dalaman bagi fabrikasi MME yang membolehkannya menikmati faedah kos menerusi margin lebih tinggi dan kecekapan pengeluaran.